

Tesco beli lot RM3.2j

Bina pasar raya besar di Bandar Universiti Seri Iskandar

>>Oleh Raja Norain Hidayah
Raja Abdul Aziz

bisnes@hmetro.com.my

TESCO antara syarikat swasta terbaru yang berminat membuka cawangan di Bandar Universiti Seri Iskandar, Perak berikutan memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan pemaaju bandar berkenaan, Hua Yang Bhd (Hua Yang), bagi membeli hartanah seluas 1.92 hektar bernilai kira-kira RM3.2 juta.

Bandar yang menumpukan kepada kompleks institusi pengajian tinggi (IPT) itu dibangun di kawasan seluas 335.2 hektar pada 1999 dengan nilai pembangunan kasar (NPK) RM616 juta.

Ketua Pegawai Operasi Hua Yang, Ho Wen Yan, berkata perjanjian jual beli hartanah

berkenaan dilaksanakan menerusi anak syarikat milik penuh Hua Yan, Agro-Mod Industries Sdn Bhd.

Menurutnya, hartanah yang ditawarkan kepada Tesco itu terletak di lokasi strategik dan ia sekali gus memberi manfaat kepada penduduk, terutama warga universiti yang mendiami bandar itu.

“Pembukaan pasar raya besar Tesco akan menjadi satu destinasi sehenti untuk segala keperluan harian mereka termasuk makanan segar, barangan runcit dan barangan keperluan rumah serta pakaian di bawah satu bumbung.

“Ia dibangun bagi memenuhi keperluan populasi pelajar universiti yang semakin bertambah bilangannya di negeri ini. Ia terletak di lokasi strategik iaitu di taman pen-

didikan yang merangkumi IPT seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Institut Perdagangan Mara (IPM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN),” katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Malah, harga hartanah masih dikekalkan pada tahap mampu miliki iaitu pada sekitar RM119,800 hingga RM238,000 bagi memastikan pelajar universiti dan keluarga mampu mendiami rumah sendiri lengkap dengan landskap semula jadi.

Ho berkata, kediaman bermutu dan mampu milik pula dihubungkan dengan pusat komersial dan pelbagai kemudahan awam seperti stesen minyak, terminal bas daerah dan bas ekspres, pasar basah, bank dan masjid.



HUAYANG

Metro 14 Mar 2009